

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1990/91

Oktober/November 1990

PLG 422 - Teori-Teori Pembelajaran Kognitif

Masa ; [3jam]

---

Jawab 3 (TIGA) soalan sahaja.

1. [a] Kajian-kajian baru menunjukkan bahawa ada dua jenis ingatan: ingatan analog (imagery) dan ingatan analitik (simantik). Terangkan apakah 'image' itu dan huraikan eksperimen-eksperimen oleh Paivio (mental clock Test), Guilford (Block Visualisation Test) dan Shepard & Metzher (Mental Rotation Test). Apakah penemuan-penemuan penting dalam eksperimen-eksperimen tersebut?  
  
[b] Merujuk kepada (a), bagaimanakah kita boleh gunakan pengetahuan tersebut untuk merancang pengajaran yang lebih berkesan?  
  
[100 markah]
2. [a] Huraikan secara ringkas ingatan simantik jenis 'konotatif', 'denotatif' dan 'asosiatif'.  
  
[b] Dengan menggunakan teknik 'Orienting Reflex', perbezaan diantara kefahaman 'makna' sesuatu perkataan dan hanya memerhati aspek, bunyi, boleh dibuktikan. Terangkan bagaimana pendapat ini boleh disokong.  
  
[100 markah]
3. [a] Terangkan secara ringkas apakah dimaksudkan dengan 'Hermeneutics'. Sila rujuk juga kepada interpretasi makna BAUM diujian Projekatif.  
  
[b] Interaksi diantara guru murid dikatakan berbentuk 'ACT - TURN' dan susunan ~ACT-TURN' bereskuen. Terangkan apakah maksudnya.  
  
[100 markah]

...2/-

4. [a] Huraikan secara ringkas Model Baru mengenai ingatan, termasuk ingatan-ingatan jangka masa pendek, panjang dan sebagainya.
- [b] Bagaimanakah kita boleh membuktikan secara eksperimen perbezaan diantara ingatan jangka masa pendek dan ingatan jangkamasa panjang?
- [c] Dengan merujuk kepada pengalaman biasa anda, apakah kelemahan-kelemahan model ingatan ini?

[100 markah]

5. [a] Terangkan apakah dimaksudkan dengan konsep-konsep 'Collective Unconscious' dan 'archetype' yang digunakan oleh C.G. Jung.
- [b] Apakah perhubungan diantara ujian projektif BAUM dan konsep 'archetype' tersebut?

[100 markah]

oooOooo